

**MALAYSIA**

**Pimpinan Mahathir**

**MALAYSIA**

**Pimpinan Mahathir**

*Abu Hassan Adam*

**PENERBITAN WARISAN**

*Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, sawatan, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari penerbit*

© Abu Hassan Adam 1984  
Terbitan Pertama 1984  
Terbitan Kedua 1985

ISBN 967 - 950 - 006 - 3 ✓  
ISBN 967 - 960 - 007 - 1

M  
320.9595  
ABU  
530978

Dicetak oleh Hazaprin Sdn. Bhd.

26 JUN. 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## MAHATHIR

Senyum Mu

Menawan seluruh benua  
dari kawasan Artic, Antartic hingga ke Khatulistiwa  
Dari si kecil anak di tengah padang pasir Sahara  
hingga ke ibu tua di Mali

Suara mu

menggegarkan menara di Bangsa-Bangsa Bersatu  
memeranjatkan peserta lena di Cancun  
merobah wajah tradisi persidangan komanwel yang utuh

Langkah mu

langkah petani turun ke bendang  
langkah nelayan menuju lautan  
langkah buruh mencari sesuap pagi sesuap petang

Pena mu

menukarkan suasana gelora yang dulunya tenang  
mencengkam hati dan nadi seluruh insan  
membuat mereka terjaga dulunya lena  
membuat mereka hiba yang dulunya gembira

Dikau seorang pahlawan

tidak berbeza dengan Hang Tuah yang bersenjatakan keris  
tidak berbeza dengan Mat Kilau yang bencikan Inggeris  
zaman mereka zaman pedang jadi perhiasan  
zaman mu zaman pengetahuan alat pertarungan

## KATA PENGANTAR

Ada beberapa perkara yang menyebabkan buku 'Malaysia Pimpinan Mahathir' ini terpaksa diulang cetak. Diantaranya ialah adanya permintaan dari kalangan pembaca yang tidak sempat membelinya dan lantas tidak dapat berpeluang untuk membacanya.

Telah difahamkan bahawa buku ini telah menarik minat golongan pembaca yang terdiri daripada para pelajar sekolah-sekolah Menengah khususnya pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan. Banyak rencana didalamnya yang sesuai untuk mata pelajaran Kertas Am, disamping sesuai juga untuk menjadi naskah simpanan di perpustakaan.

Dalam naskah cetakan kedua ini terdapat dua rencana baru yang dimasukkan sebagai tambahan kepada rencana yang telah sedia ada. Rencana itu berjudol, 'Betulkah wang memainkan peranan penting dalam pemilihan pemimpin UMNO?' dan sebuah rencana lain yang ada kaitnya dengan usaha Pemuda UMNO Malaysia untuk mengambil semula 'Carcosa'. Kedua-dua isu ini adalah merupakan isu yang hangat dibincangkan oleh masyarakat Malaysia tidak berapa lama dulu.

Sehingga kini isu yang berkaitan dengan politik wang, masih lagi menjadi isu semasa dan sedang dibincangkan oleh anggota parti UMNO. Dan kelahiran rencana ini boleh juga menjadi bahan rujukan kepada ahli-ahli UMNO yang ingin mendebatkan perkara itu.

Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penerbitan Warisan kerana daya usahanya menerbitkan naskah cetakan kedua ini.

Terima Kasih.

Abu Hassan Adam  
Lembah Ledang, Kuala Lumpur  
12hb Ogos 1985